



KENYATAAN MEDIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PELANTIKAN YBRS. TUAN HAJI NASRAN BIN OMAR SEBAGAI AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (ANM) BERKUAT KUASA 17 APRIL 2026

1. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) ingin memaklumkan bahawa YBrs. Tuan Haji Nasran bin Omar telah dilantik sebagai Akauntan Negara Malaysia (ANM) berkuat kuasa 17 April 2026. Surat pelantikan sebagai ANM telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) YBhg. Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar di Putrajaya pada 15 April 2026. Pelantikan ini bagi menggantikan ANM sebelum ini yang telah bersara pada 17 April 2026.
2. Tuan Haji Nasran bin Omar yang sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) JANM merupakan anak kelahiran Sungai Siput (U), Perak. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Sarjana Pengurusan Perniagaan-MBA (UTM).
3. Beliau mempunyai keahlian profesional *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants-CPA (M)*, *Malaysian Institute of Accountant-C.A (M)* dan *The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy-CPFA (UK)*.
4. Beliau berpengalaman sebagai penjawat awam lebih dari 31 tahun apabila mula menyertai sektor awam pada tahun 1994 sebagai Penolong Pengarah di Seksyen Piawaian Perakaunan, JANM. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah berkhidmat di peringkat kerajaan negeri dan persekutuan. Antaranya sebagai Bendahari Negeri Melaka, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perdagangan

Antabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Pengangkutan serta Kementerian Pendidikan. Maka, beliau mempunyai kepakaran dalam mengendalikan perakaunan dan kewangan sektor awam. Perkara ini termasuklah pengurusan akaun negeri, operasi perakaunan, pengurusan dana dan pengauditan, perakaunan forensik dan penyediaan penyata kewangan.

5. Sebelum dilantik sebagai Timbalan Akauntan Negara (Korporat), beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) JANM sejak tahun 2023 sehingga tahun 2025. BPOPA berfungsi mengurus aliran tunai kerajaan dan menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.
6. Beliau yang juga merupakan anggota Institut Akauntan Malaysia (MIA) mempunyai juga pengalaman luas dalam pembangunan sistem perakaunan kerajaan. Beliau telah menyumbang kepakarannya dalam membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) yang telah dibangunkan JANM. PPIBZW merupakan pelaporan kewangan dan perakaunan berkaitan aset (termasuk aset wakaf), liabiliti, hasil dan belanja bagi institusi baitulmal, zakat dan wakaf. Pembangunan PPIBZW ini adalah piawaian perakaunan Islam pertama di dunia. Justeru, PPIBZW akan meletakkan Malaysia sebagai antara peneraju bidang perakaunan dan kewangan sektor awam peringkat global.
7. JANM ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada pihak Kerajaan atas kepercayaan yang diberikan kepada YBrs. Tuan Haji Nasran bin Omar bagi menggalas tugas dan amanah sebagai ANM bermula dari 17 April 2026.

Sekian, Terima Kasih

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
16 APRIL 2026



YBrs. Tuan Haji Nasran bin Omar
Akauntan Negara Malaysia